

KAFE AHAD

Satu persoalan besar buat semua pihak berhubung tindakan kerajaan Myanmar yang dilihat 'menutup mata' berhubung isu krisis masyarakat Rohingya.

Krisis membabitkan etnik terbabit bukan lagi isu baru sebaliknya sudah membelenggu Rohingya sejak 1960-an lagi dengan pelbagai himpitan yang dibuat kerajaan negara terbabit.

Kafe Ahad minggu ini berpeluang menemu bual Pengarah Eksekutif Jaringan Hak Asasi Manusia Burma (BHRN) Kyaw Win yang berada di Malaysia untuk menyertai Perhimpunan Solidariti Umah Untuk Rohingya yang diadakan secara besar-besaran hari ini.

Ikuti temu bual wartawan Amir Abd Hamid dan Muhammad Saufi Hassan bagi menyingkap realiti sebenar kemelut yang melanda etnik terbabit sejak sekian lama.

metro Alod

4/12/16

MLS 14





KYAW Win

Apakah realiti sebenar krisis yang melanda masyarakat Rohingya?

Kemelut kemanusiaan yang berlaku terhadap etnik Rohingya bukan baru untuk agenda politik Myanmar. Ia sudah mula teretus sejak 1960-an dengan pelbagai tekanan yang dilaksanakan kerajaan Myanmar terhadap etnik ini.

Hak kerakyatan dinafikan, etnik Rohingya tidak boleh melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi dan tambah buruk, mereka tidak mempunyai pekerjaan dan diasingkan daripada pembangunan negara berkenaan.

Bagaimanapun, kemelut ini tambah parah sejak kebelakangan ini apabila wujud pihak tertentu yang menyemai sentimen anti-Islam dalam kalangan rakyat Myanmar sekali gus darjah kebencian terhadap Rohingya meningkat saban hari.

Kerajaan Myanmar mengatakan bahawa etnik Rohingya ini adalah pendatang tanpa izin ketika zaman kolonial British sedangkan etnik ini sudah sekian lama berada di Myanmar. Fakta yang penting perlu diketahui adalah orang Burma (Myanmar) sebenarnya yang mencero boh tanah Rakhine dan bukannya Rohingya.

Kerajaan Myanmar mahu memaparkan imej 'kerajaan demokratik', namun sehingga kini tiada pembaharuan yang positif dilakukan untuk kepentingan etnik Rohingya. Komen tuan?

Apakah kerajaan Myanmar adalah kerajaan demokratik... Apa yang boleh saya katakan ia adalah satu pembongkaran yang sangat besar. Tidak pernah ada demokrasi di Myanmar seperti yang digembar-gemburkan.

Jika benar demokrasi ini dipraktikkan, nasib



“ Kerajaan Myanmar mengatakan etnik Rohingya adalah pendatang tanpa izin ketika zaman kolonial British Kyaw Win ”

etnik Rohingya akan lebih baik tidak seperti senario hari ini. Jika demokrasi, Ahli Parlimen dalam kalangan Islam akan dibenarkan bertanding sedangkan hakikatnya, Myanmar tidak membenarkan ahli politik Islam bertanding di peringkat Parlimen.

Adakah ini yang mereka kata demokrasi, masyarakat Rohingya tiada pembelaan. Masalah ini timbul bukan sekadar etnik itu saja, malah sesiapa yang beragama Islam di Myanmar akan menghadapi masalah kerana sentimen anti-Islam itu sudah tersemai.

Siapa yang sebenarnya dalang di sebalik kemelut



METRO AHAD

DERITA ROHINGYA

'JENAYAH KEMANUSIAAN PALING KRITIKAL PADA ERA INI'

Saya akui tindakan diplomasi ini akan memakan masa yang agak panjang.

Tetapi hanya itu cara yang terbaik buat masa ini, tindakan keganasan tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya akan mewujudkan masalah baru dan ketidakstabilan politik serantau.

Saya selaku Pengarah Eksekutif BHRN meneruskan usaha dengan bertemu pemimpin dunia Islam dan menjelaskan isu sebenarnya. Kita tidak mahu ada pihak yang mengambil peluang kemelut ini dengan mewujudkan kumpulan radikal kononnya untuk menentang gerakan tentera.

Jika ini berlaku, nasib masyarakat Rohingya akan tambah buruk. Kita perlu selesaikan di meja rundingan menerusi pelbagai pendekatan berhubung tindakan tidak berprike-manusiaan tentera Myanmar.

Bagaimana situasi terkini masyarakat Rohingya selepas kerajaan Myanmar mengambil keputusan untuk menyekat sebarang kemasukan bantuan luar?

Bantuan adalah sangat kritikal untuk masyarakat yang ditindas.

Mereka bukan hanya memerlukan makanan serta keperluan asas lain malah sokongan mental.



etnik Rohingya dan melaksanakan pelbagai ke-kejaman?

Tentera. Mereka (tentera) melakukan ke-kejaman terhadap Rohingya untuk kesinambungan survival politik mereka.

Keadaan di Myanmar tidak sama dengan Malaysia. Kuasa politik, ekonomi dan keselamatan dipegang oleh tentera.

Orang-orang politik tidak mempunyai begitu banyak kuasa.

Mereka hanya pemimpin di atas kertas saja sedangkan realitinya adalah kuasa pemerintahan berada di bawah pentadbiran tentera.

Sebelum ini, wujud polemik antara banyak

pihak. Ada golongan beragama Kristian yang menentang kerajaan, ada etnik lain yang mula mengancam sesuatu tindakan kerajaan. Tetapi selepas tindakan tentera untuk menghapuskan Rohingya, semua kumpulan kecil ini senyap dan tunduk.

Ini sebenarnya yang berlaku, realitinya adalah pihak tentera ingin terus berkuasa di Myanmar. Jika kita ingin bercakap soal rundingan, ia tidak boleh dilaksanakan menerusi pimpinan politik di Myanmar, sebaliknya harus menerusi pihak tentera.

Mungkin kita boleh ramalkan krisis Rohingya ini

akan bertambah parah saban tahun. Bagaimana pendekatan BHRN dalam isu ini?

Semua pemimpin dunia sedar bahawa apa yang Junta Tentera lakukan dengan pembunuhan beramai-ramai (genosid) terhadap Rohingya, menghalau mereka daripada Rakhine adalah satu tindakan tidak bertamadun.

Dalam soal ini, BHRN mengambil jalan tengah iaitu krisis kemanusiaan perlu diselesaikan menerusi meja rundingan. Kita tidak akan benarkan bentuk keganasan berlaku kerana ia akan memberi lebih banyak ruang kepada tentera Myanmar untuk bertindak.

Rajian Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) terhadap 600 hingga 700 kanak-kanak menunjukkan tahap kesihatan golongan ini dalam paras paling teruk berbanding yang diperlukan.

Masalah tidak cukup zat makanan sudah berlaku sejak 2012 dan berlarutan sehingga kini.

WHO meletakkan taraf kesihatan mereka pada tahap kecemasan peringkat serius kerana akan menjejaskan kehidupan mereka.

Ini adalah tindakan sistematik pihak tentera untuk menghapuskan Rohingya atau mengusir komuniti ini daripada tanah mereka sendiri di Rakhine.

Ia bersifat konsep pengusiran yang halus.

Contohnya, jika kita sendiri tidak mempunyai bahan makanan mencukupi, tiada pekerjaan dan menerima tekanan yang hebat daripada pihak berkuasa, jalan keluar daripada masalah ini adalah berhijrah ke negara lain.

Konsep sistematik ini yang digunakan oleh pihak tentera Junta dalam menguruskan pengusiran Rohingya.

Bagaimana tuan melihat pendirian negara Islam lain di rantau ini mahupun di peringkat lebih besar seperti dunia Islam?

Saya memuji tindakan Malaysia dalam isu ini.

Rintihan, tangisan, rayuan dan kesengsaraan masyarakat Rohingya didengari kerajaan Malaysia sehingga satu perhimpunan akan dilaksanakan esok (hari ini) bagi mencari solusi krisis kemanusiaan di Rakhine.

Apa yang terjadi terhadap masyarakat Rohingya adalah 'jenayah kemanusiaan' yang paling kritikal pada era ini. Semua pimpinan dunia harus melihat menerusi kaca mata jenayah kemanusiaan dan bukannya melihat agama.

Krisis yang melanda merentasi sempadan agama sebaliknya ia adalah krisis kemanusiaan yang perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh semua pihak.

Bagaimanapun, ingin saya tegaskan bahawa jalan terbaik menghadapi krisis ini adalah menerusi meja rundingan dan kita tidak mahu tindakan keganasan menerusi kumpulan radikal dilakukan. Keadaan itu tidak membantu masyarakat Rohingya.